

## Waktu solat Isyak di Pahang tambah 4 minit



FOTO HIASAN

Roselan Ab Malek  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Jerantut: Jabatan Mufti Negeri Pahang mengumumkan tambahan empat minit bagi waktu solat Isyak di seluruh Pahang.

Muftinya, Datuk Seri Abdul Rahman Osman berkata, tambahan empat minit itu dipersetujui selepas berlakunya kesalahan pada janaan data waktu solat Isyak di semua enam zon terbabit.

"Tambahan waktu itu perlu diubah pada kalendar diedarkan terbitan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) dan mana-mana kalendar yang mengambil waktu solat dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Perkara ini disedari apabila kita menerima maklum balas daripada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)," katanya dalam satu surat rasmi dari Pejabat Mufti Pahang bertarikh 15 Mac yang diedarkan ke seluruh masjid di negeri ini.

Menurutnya, berlaku kesilapan teknikal membabitkan kesalahan meletakkan 'default' 17 darjah sudut matahari di bawah ufuk oleh pemproses data solat.

"Sehubungan ini, saya mahu perkara ini dihebahkan kepada seluruh umat Islam melalui semua medium agar kita semua dapat solat tepat pada waktunya," katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 18 Mac 2021 @ 5:24 PM**